

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 9, 2019 8:11 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Cabaran Ekspedisi Kayak Malaysia-Thailand 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 MEI 2019 / 4 RAMADAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

CABARAN EKSPEDISI KAYAK MALAYSIA-THAILAND 2019



UUM ONLINE: Merentasi lautan luas dalam cuaca panas membahang serta angin kuat sememangnya mencabar ketahanan fizikal dan mental peserta Kayak Expedition Malaysia-Thailand 2019, baru-baru ini.

Pengarah projek, Su Prani A/P Eh Put berkata, berkayak meredah samudera sejauh 10 kilometer dari Kuala Perlis melalui Pulau Brasmana ke Pulau Koh Yao, Satun, Thailand bukan kerja yang mudah.

"Berkayak di lautan memang menguji tahap kekuatan dan kesabaran para peserta yang, ia memerlukan kegigihan dan komitmen padu semua.

"Kami perlu kuat dari segi mental, fizikal dan kerja pasukan memandangkan berkayak secara berdua memerlukan keselarasan antara pasangan kayak.

“Jika berkayuh secara konsisten dan selaras dengan pasangan, perjalanan akan lebih lancar tetapi kalau orang di depan sudah tidak kuat, orang di belakang perlu memberi semangat, berfikiran positif dan berjuang sehingga sampai ke garis penamat,” katanya.

Tambahnya, program yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Sukan Universiti Utara Malaysia, Encik Za’im Ahmad menjadi satu platform bagi pelajar untuk mempraktikkan dan meningkatkan kecekapan pengurusan dalam mengendalikan sesebuah program.

“Kami dapat belajar banyak perkara sepanjang menjayakan ekspedisi ini yang melibatkan pelbagai pihak di samping meningkatkan kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan antara ahli jawatankuasa dan para peserta,” luahnya.

Jelasnya, acara yang dianjurkan Kelab Kenu UUM ini turut mendapat kerjasama Pusat Islam UUM, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Perlis serta jabatan-jabatan di Kedah, Perlis dan Wilayah Selatan Thailand.

“Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang mengembleng tenaga dan idea semoga kerjasama yang terjalin ini dapat diteruskan pada masa akan datang,” tambahnya.

Menurut penasihat Kelab Kenu, Dr. Hazeline Ayoup Kayak Expedition Malaysia-Thailand 2019 dilaksanakan sebagai salah satu usaha dalam menjayakan matlamat UUM untuk melahirkan mahasiswa yang holistik.

“Program ini menyediakan platform pembelajaran dan pengalaman yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran kepimpinan di kalangan pelajar dalam menguruskan aktiviti dan acara”.

“Para peserta didedahkan dengan pengetahuan dan realiti sukan air ekstrem serta menambah nilai dari segi pembangunan sahsiah, peningkatan keyakinan diri di samping kecemerlangan akademik,” ujarnya.

Bercerita lanjut, peserta, Muhamad Amir Shazwan Mohd Ariffin berkata, setibanya di Pulau Koh Yao, penduduk menyambut kami dengan mesra dan mempelawa peserta menjelajah dan mempelajari adat budaya mereka yang penuh keunikan.

“Dalam sesi perkongsian ilmu, kami juga mengajarkan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak di pulau yang cukup teruja menerima kami sebagai keluarga kecil mereka selain kenduri bersama penduduk.

“Kami turut mempersembahkan tarian kebudayaan Malaysia yang unik berseni iaitu tarian Melayu, Cina dan India ketika berlangsungnya malam kebudayaan,” katanya lagi.

Para peserta juga berpeluang untuk berkayak di Sungai Manang sejauh 9 km sambil menikmati keindahan alam semula jadi yang memukau. Pergerakan pulang dari Pulau Koh Yao ke Kuala Perlis mengambil masa 2 jam 30 minit.

Tambahnya, program ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk mendekati budaya dan cara hidup masyarakat Thailand di samping memberi peluang melawat destinasi menarik sambil merakam gambar kenangan.

“Berjalanlah ke mana sahaja di atas muka bumi ini untuk meneroka ciptaan Tuhan yang amat bernilai termasuklah lautan yang terbentang luas pada saya suatu pengalaman yang cukup berharga,” luahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.